



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 26 SEPTEMBER 2023

- 1. GROUP: REFRAIN FROM PANIC BUYING LOCAL RICE – THE STAR**
- 2. M'SIA SEEKS MEETING WITH INDIA OVER WHITE RICE EXPORT RESTRICTION – THE STAR**
- 3. MINTA INDIA EKSPORT SEMULA BERAS PUTIH – SINAR HARIAN**
- 4. PERINCI SOP LESEN BORONG RESTORAN BELI BERAS IMPORT – BERITA HARIAN**
- 5. 1,000 SERBU JUALAN BERAS FAMA – BERITA HARIAN**
- 6. MALAYSIA JUMPA MENTERI INDIA UNTUK RUNDING – HARIAN METRO**
- 7. 1,000 TAK LEPAS PELUNG BELI BERAS BPT BERHARGA RM26 – HARIAN METRO**
- 8. ISU BERAS TIDAK SELESAI JIKA INDIA MASIH SEKAT EKSPORT – UTUSAN MALAYSIA**
- 9. MALAYSIA MAHU PERUNDING BELI BERAS PUTIH INDIA - KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : THE STAR
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Group: Refrain from panic buying local rice

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A consumer group has urged the public to stop speculating on the availability of local rice and to avoid panic buying.

Sabah West Coast Wise Consumers Association president David Chan said speculations could cause panic buying that could trigger severe shortages.

"Such speculations only lead to consumers rushing to buy rice to stock up at home.

"This will cause the demand for rice to be even higher.

"Rice is important for everyone but we all must ensure that we do not panic buy," he added.

Chan was commenting on the shortage of local rice in supermarkets and grocery stores in the state.

Chan also called on the authorities to step up monitoring the issue of rice shortages under the Food Security Act, especially during the current drop in padi yield due to global warming and climate change.



Cause for concern:
Chan says speculations could cause panic buying that could trigger severe shortages.

"We urge the government to invest in local rice cultivation to increase local rice production in Malaysia," he said.

Although the increase in the

price of rice only involved imported white rice, he said that the average consumer was feeling the burden of the increased cost.

"Whatever the increase in the

price of goods, it still affects the increase in the price of other goods.

"Rice is our main food, and the price increase between RM1 and RM4 is burdensome for the people.

"Of course, with the increase in the price of rice, the family's cost of living also increases," he added.

He said the association welcomed the government's short-term initiative of allocating RM150mil for the Beras Rahmah sales.

"It would help in easing the people's financial burden," he said, adding that the focus should remain on solving local rice shortages.

In early September, Padiberas Nasional Bhd (Bernas) adjusted the price of imported white rice nationwide from RM2,350 a tonne to RM3,200 a tonne in line with current global market prices.

This caused the price of imported white rice to increase from RM33 to RM39 compared with local white rice sold at a controlled price of about RM2.60 per kg to RM26 per 10kg bag.

KERATAN AKHBAR : THE STAR
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

M'sia seeks meeting with India over white rice export restrictions

JOHOR BARU: The Agriculture and Food Security Ministry hopes to hold a meeting with India's Agriculture and Farmers' Welfare Minister soon to find the best solution for the issue of white rice export restrictions.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the issue was among the priorities of the gov-

ernment-to-government meeting, Bernama reported.

"Currently at the ministry level, we are in contact to get a (suitable) date so that we can travel there.

"We will ask them to continue exporting white rice to Malaysia. That is our hope because if they suddenly restrict white rice export, it will lead to an increase

in the price of rice in Malaysia," he said after the Pulau parliamentary and Simpang Jeram state seats by-election workers' appreciation ceremony here on Sunday.

In the meantime, Mohamad said the restrictions had caused the price of imported rice in this country to increase dramatically, causing consumers to switch to

local rice which is much cheaper. "Our rice supply is still sufficient; it's just that if the imported rice price is fairly high, it causes people to look for local rice and this has caused a slight shortage in some places.

"However, we are addressing it now with the harvest in the area of the Muda Agricultural Develop-

ment Authority, which will be in the market in less than a month, and even now, we are trying to 'top up' any shortages," he added.

In July, India reportedly banned the export of non-basmati white rice to curb the rise in rice prices in the domestic market following a supply shortage due to heavy rains which affected the crop.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Minta India eksport semula beras putih



Mohamad (duduk tengah) ketika Majlis Penghargaan Petugas PRK Pulau dan Simpang Jeram pada Ahad.

Malaysia akan adakan pertemuan dengan pemerintah India secepat mungkin

Oleh **NOR AZURA MD AMIN**
JOHOR BAHRU

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan pertemuan dengan pemerintah India secepat mungkin bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport beras putih.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, permohonan agar pengeksportan beras itu dari India diteruskan ke negara ini antara yang akan dibincangkan sewaktu bertemu Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India kelak.

"KPKM kini sedang berhubung dengan kerajaan India untuk mendapatkan tarikh agar pertemuan dan

perbincangan tentang import beras dapat dilakukan secepat mungkin.

"Apabila India menyekat import beras putih secara mengejut, ia membawa kesan kenaikan harga beras di dalam negara. Beras basmati yang tidak dikenakan larangan dan boleh diimport pula harganya sangat mahal," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Penghargaan Petugas Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram di Johor Bahru pada Ahad malam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, sekatan terhadap pengeksportan beras putih di India menyebabkan harga beras import di negara ini meningkat dengan mendadak.

"Stok bekalan beras negara masih mencukupi, cuma apabila harga beras import meningkat terlalu tinggi ia menyebabkan orang ramai memilih untuk membeli beras tempatan.

"Situasi ini menyebabkan berlaku peningkatan permintaan secara mendadak terhadap beras tempatan dan

akibatnya berlaku sedikit kekurangan di beberapa tempat.

"Bagaimanapun, ketika ini juga, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sedang menuai padi dan 20 peratus daripada hasil itu akan dikilangkan dan kemudian dapat menampung keperluan bekalan semasa," ujar beliau.

Sementara itu, Mohamad berkata, terdapat beberapa negara pengeksport beras antaranya Pakistan, Vietnam dan Thailand turut terjejas.

"Isu kekurangan bekalan beras ini merupakan krisis global yang turut menjejaskan banyak negara namun Malaysia dapat tangani isu ini dengan lebih baik berbanding negara lain," jelasnya.

Pada Julai lepas, India dilaporkan melarang eksport beras putih bukan basmati disebabkan hujan lebat yang telah menjejaskan tanaman itu.

Larangan itu juga mahu memastikan bekalan untuk kegunaan di negara itu tidak terjejas.

India ketika ini menyumbang kira-kira 40 peratus eksport beras global dengan mengeksport ke lebih 150 negara.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Perinci SOP lesen borong restoran beli beras import

PRESMA sedia patuh prosedur demi kelangsungan perniagaan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta memperincikan segera prosedur operasi standard (SOP) berhubung lesen borong yang boleh diberikan kepada pengusaha restoran susulan kesukaran mendapatkan beras putih tempatan (BPT), menyebabkan kebanyakan mereka terpaksa bergantung hampir sepenuhnya kepada beras putih import (BPI).

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, berkata ini kali pertama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperkenalkan inisiatif itu kepada pengusaha restoran dan pihaknya sedia memohon lesen ditawarkan itu demi kelangsungan perniagaan.

"Kami harap KPKM memperincikan prosedur permohonan dan pelarasan akan dibuat kerana ini kali pertama kerajaan memperkenalkan inisiatif sebegini.

"Kami juga sedia memohon lesen (kerana beras harga barang kawalan), tetapi tetap hairan ketiadaan bekalan beras tempatan, yang tiba-tiba hilang daripada pasaran sedangkan BPI yang terjejas kesan duti eksport dinaikkan Kerajaan India," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, KPKM memutuskan akan memberi lesen borong kepada pengusaha restoran bagi membolehkan mereka membeli BPI pada harga borong RM3.20 sekilogram daripada Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), sebagai usaha mengatasi masalah kekurangan BPT susulan pengguna kurang membeli BPI yang harganya meningkat.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Adeysham Nor berkata, persatuan pengus-

saha restoran perlu mengemukakan permohonan kepada KPKM untuk mendapatkan lesen borong terbabit.

Beliau berkata, sebelum ini, harga BPI jenis standard adalah sekitar RM2.80 hingga RM3.20 sekilogram (kg), iaitu tidak banyak berbeza dengan harga BPT.

Jawahar menafikan ada kalangan ahli PRESMA menaikkan harga nasi susulan hampir semua restoran terpaksa memasak menggunakan beras import.

"Kami masih bertahan (tidak naikkan harga), tetapi adakah ini penyelesaian

jangka panjang, KPKM perlu mengambil tindakan proaktif memastikan agensi seliaannya membekalkan beras tempatan.

"Kerajaan juga perlu selesaikan isu gula kerana pengusaha terpaksa akur syarat dengan membeli gula premium dulu, kemudian baru boleh beli gula gred tempatan," katanya.

Jawahar berkata, secara pribadi, beliau tidak akan menaikkan harga, sebaliknya menerus-

kan menu Rahmah di 21 restoran miliknya walaupun tidak mendapat subsidi atau peruntukan.

Tanggung kenaikan kos

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Pengusaha Kantin Sekolah Malaysia (PPKSM), Siti Normah Md Desa, berkata pihaknya menanggung peningkatan kos sehingga 30 hingga 40 peratus akibat perubahan harga beras.

Katanya, kenaikan harga juga menyebabkan lebih 10,000 pengusaha kantin di seluruh negara tertekan dengan kos bahan mentah yang tinggi tetapi terpaksa menjual makanan pada harga sama seperti termaktub dalam perjanjian ditandatangani sebelum kenaikan harga beras.

"Bukan hanya beras naik harga, tetapi kentang, bawang dan telur juga naik. Jadi sukar pengusaha kantin terus memberikan perkhidmatan terbaik jika perkara ini gagal dikawal dan ditangani," katanya.

Sehubungan itu, PPKSM mencadangkan kerajaan memberikan kuota khas kepada pengusaha kantin sekolah membeli BPT bagi meringankan beban mereka.



Jawahar Ali Taib Khan

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

1,000 serbu jualan beras FAMA

Kuantan: Hampir 1,000 pengguna daerah ini menyerbu jualan beras putih tempatan (BPT) di Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kuantan yang diadakan bermula jam 10 pagi semalam.

Bagaimanapun, setiap pengguna hanya dibenar membeli satu kampit beras 10 kilogram sahaja berharga RM26.

Pesara swasta, Rosli Surip, 49 yang menetap di Taman Seri Inderapura berkata, jualan itu membantunya mendapatkan beras mampu milik berbanding terpaksa membeli beras import yang lebih mahal, selepas tiada beras tempatan dijual.

Beliau berkata, harga beras import yang naik sehingga dua kali ganda sejak awal bulan ini berbanding beras tempatan yang masih kekal dapat menjimatkan perbelanjaan dapur.

Katanya, selepas bekalan beras tempatan terputus di pasaran, dia terpaksa membeli beras import untuk keluarga walaupun harganya lebih tinggi.

"Apabila FAMA mengadakan jualan beras putih tempatan pada harga RM26 untuk 10 kilogram hari ini (semalam), saya tidak me-



Pengguna membeli beras putih tempatan yang dijual di Pusat Operasi FAMA Kuantan, semalam.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

lepaskan peluang membelinya bersama tiga rakan lain.

Rakyat terbeban harga beras

Peniaga kedai makan, Aifa Ibrahim, 64, berkata dia membeli beras untuk kegunaan keluarga dan bukan untuk perniagaan.

"Keputusan kerajaan melantik

FAMA menjual beras putih tempatan dapat melancarkan lagi proses belian oleh pengguna.

"Dengan harga barangan makanan yang meningkat, rakyat terus terbeban jika harga beras tempatan turut naik," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri berkata, pi-

haknya menerima dua kali bekalan BPT untuk diedarkan ke seluruh negeri ini.

Katanya, 1,500 kampit dijual minggu lalu dan kali ini 3,000 kampit lagi diagihkan kepada empat pusat operasi FAMA di Jerantut, Cameron Highlands, Lanchang dan Simpang Pelangai, Bentong.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

BERAS PUTIH IMPORT

Malaysia jumpa menteri India untuk runding

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Mafs) akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertanian dan Kebajikan Petani India bagi menyatakan hasrat untuk memastikan negara itu terus mengeksport beras putih kepada Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya ingin mengadakan perbincangan secara kerajaan dengan kerajaan (G2G) itu sebagai langkah memastikan bekalan beras putih terus mencukupi buat rakyat negara ini.

Katanya, ia berikutan keseimbangan apabila kerajaan di India itu menyekat

pengeksporan beras putih secara mengejut yang bakal membawa kesan kenaikan harga beras di Malaysia.

"Kita sekarang sedang berhubung bagi mendapatkan tarikh sesuai untuk pergi ke sana supaya kita boleh berbincang secara G2G.

"Jika mereka menyekat beras putih secara mengejut, ia membawa kesan kenaikan harga beras di Malaysia ini. Beras basmahi ada, boleh import banyak, tetapi beras basmati ini mahal.

"Dengan G2G ini, dapatlah kita minta mereka meneruskan untuk eksport beras putih ke Malaysia, itu harapan kita," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penghargaan Petugas Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulai dan Dewan Undangan Negeri (Dun) Sim-

pang Jeram di sini, malam kelmarin.

Mohamad Sabu berkata, pihaknya berharap mendapat maklum balas segera bagi membolehkan pertemuan dengan Kerajaan India itu dilakukan sebelum hujung tahun ini.

Pada masa sama, beliau berkata, isu bekalan beras putih kini menjadi masalah dunia, namun walaupun Malaysia terkesan dengan isu itu, bekalan beras di negara ini masih mencukupi.

"Bekalan beras putih kita masih mencukupi, cuma kalau harga beras yang diimport itu tinggi, menyebabkan orang mencari beras tempatan secara mendadak dan berlakunya sedikit kekurangan di beberapa tempat. Tetapi, kita atasi masalah itu, sekarang ini kita lakukan tuaian di Mada (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda), saya tidak ingat berapa jumlah kampil beras yang akan dikeluarkan, tetapi dalam masa tidak sampai sebulan ini, ia akan berada di pasaran dan sekarang pun kita ada-cuba untuk *top-up* mana-mana yang berlaku kekurangan. Selain India, kita boleh dapatkan bekalan beras putih ini dari Pakistan, Vietnam atau Thailand, tetapi semua pun mengalami kenaikan harga dan lebih parah sekarang ini isu kekurangan beras menjadi masalah dunia dan kita ini terjejas, tetapi tidak seteruk berbanding negara lain," katanya.



ORANG ramai datang seawal 6 pagi untuk membeli beras putih import berjenama SITI dengan hanya RMI pada Program Misi Jual Beras RMI di Padang Kampung Dato' Seri Kamaruddin Manjung, Lumut, kelmarin. Program anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Founder Misi Rakyat menyediakan sebanyak 1,000 kampil beras lima kilogram itu habis terjual dengan hanya mengambil masa kira-kira setengah jam sahaja.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

1,000 tak lepas peluang beli beras BPT berharga RM26

Kuantan: Seramai 1,000 individu tidak melepaskan peluang mendapatkan beras putih tempatan (BPT) di Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di sini, semalam.

Jualan bermula jam 10 pagi itu berjalan lancar apabila mereka datang secara berperingkat dan hanya dibenarkan membeli satu kampak beras 10 kilogram berharga RM26.

Peniaga kedai makan Aifa Ibrahim, 64, berkata, dia membeli beras itu untuk kegunaan keluarga dan bukan bagi perniagaan yang diusahakan.

"Keputusan kerajaan

melantik Fama untuk menjual BPT melancarkan lagi proses belian oleh pengguna.

"Dengan harga pelbagai barangan makanan yang meningkat, rakyat

akan terus

terbeban

sekiranya

harga beras

tempatan

turut

meningkat,"

katanya.

Sementara

itu, Pengarah

Fama Pahang Saiful Sadri berkata, pihaknya menerima dua kali bekalan BPT untuk diedarkan ke seluruh negeri ini.

Menurutnya, kali pertama minggu lalu sebanyak 1,500 kampak dan

minggu ini 3,000 kampak yang diagihkan kepada empat pusat operasi Fama di Jerantut, Cameron Highlands, Lanchang dan Simpang Pelangai, Bentong.

"Saya berharap masyarakat tidak terlalu panik apabila muncul berita kekurangan dan kenaikan harga beras dan kerajaan sentiasa berusaha mengatasi masalah yang dihadapi rakyat secara bijak.

"Fama Pahang akan terus berusaha menyediakan bekalan BPT secara berterusan setiap minggu di semua daerah.

"Kita membenarkan pengguna membeli sekampak beras sahaja setiap kali jualan," katanya.

“Fama Pahang terus berusaha menyediakan bekalan BPT Saiful Sadri”



ANTARA pengguna yang tidak melepaskan peluang membeli beras putih tempatan (BPT) yang dijual di Pusat Operasi Fama Kuantan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 26 SEPTEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Isu beras tidak selesai jika India masih sekat eksport

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Masalah beras mahal melibatkan isu global dijangka stabil apabila India kembali membuka sekatan eksport makanan ruji berkenaan.

Jika sekatan tersebut kembali dibuka, situasi bekalan beras kurang dan soal ketidaktentuan kenaikan harga makanan tidak akan timbul.

Mengikut rekod pada 2022, Malaysia terpaksa mengimport sebanyak 1.11 juta tan metrik beras membabitkan negara Vietnam, 37.2 peratus, Pakistan (36.99 peratus), Thailand (12.9 peratus) dan India 8.6 peratus atau sebanyak 95,263 tan metrik.

Kebergantungan import beras negara ketika ini adalah sebanyak 35 peratus dengan bekalan beras bagi menampung keperluan rakyat negara ini adalah sebanyak 2.4 juta tan metrik se-

tahun dengan anggaran seorang penduduk menggunakan sebanyak 79 kilogram makanan ruji berkenaan dalam tempoh itu.

Mengikut data 2021, negara ini hanya menghasilkan 1.7 juta tan metrik beras setahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Dibuk Sdn. Bhd., Ezreen Muhaizi Marzuki berkata, isu beras mahal adalah melibatkan global dan bertukarlah kerajaan mana sekali pun, tidak boleh menyelesaikan isu ini.

Katanya, hal demikian disebabkan titik punca dan solusinya sebenarnya adalah di India dengan apabila negara itu kembali membuka sekatan eksport, situasi mungkin reda.

"Sekarang, yang biasa makan nasi beras import sudah beralih cari beras tempatan. Dahulu, warga asing seperti India dan Bangladesh makan beras Basmathi, tapi sekarang, mereka juga sibuk cari beras tempatan.

"Isu beras mahal sekarang

ini adalah isu global, sebab titik punca dan solusinya ada di India. India buka eksport, mungkin reda semula," katanya.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berharap dapat mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pertanian dan Kebajikan Petani India secepat mungkin bagi mencari penyelesaian terbaik dalam isu sekatan eksport beras.